



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 19 BILANGAN 7 RABU 13HB. FEBRUARI, 1974.

1394

مر ٢٠

ربيع ٢٠

PERCHUMA

D.Y.M.M. MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2 KAPADA 96 ORANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kapada 96 orang dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau di-sini pagi semalam.

Hadir di-Istiadat Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Laila Utama Peter Gautrey, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasihat Umum kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Y.T.M. Seri Paduka Pengiran2 Wazir; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Y.A.M. Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 Menteri dan Ketua2 Jabatan serta pegawai2 kanan kerajaan.

Mendahului senarai penerima itu ia-lah Yang Di-Muliakan Dayang2 Diraja, Datin Paduka Seri Laila Jasa Rosnah binte Abdullah yang telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama — S.P.N.B.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja Dato Seri Laila Jasa Haji Ali Hussain bin Khatib Muhammad telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B.

Tiga orang telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. Mereka ia-lah Y.B. Pe-

(Lihat muka 4)

D.Y.M.M. berangkat saksikan temasha lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Tambatan Kastam Diraja pada hari Ahad lalu untuk menyaksikan temasha lumba perahu dan moto sangkut sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Turut menyaksikan temasha tersebut ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Dato Laila Utama Peter Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

(Lihat muka 4)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama — S.P.M.B. kapada Yang Di-Muliakan Dayang2 Diraja Datin Paduka Seri Laila Jasa Rosnah binte Abdullah yang telah mendahului senarai penerima di-Istiadat tersebut.

Menuju ka-arah sistem pendidekan moden, lapan dasar di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengurus Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri berkata sistem pelajaran baru yang ujud sekarang bertujuan untuk menjadikan semua rakyat Brunei hidup sempurna dan bertanggong-jawab terhadap kemajuan dan kemakmoran negara.

Kemakmoran itu, akan lebih nyata dengan ada-nya usaha2 berkenaan yang di-jalankan oleh bangsa Brunei sendiri dalam menilai kemampuan, kebolehan dan kechergasan untuk melaksanakan satu2 tugas yang di-hasilkhan oleh kesan pendidekan yang lebih baik.

Yang Berhormat itu berkata demikian tatkala merasmikan pembukaan Mesuarat Pertama Ke-nadziran Sekolah2 Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak pada hari Kamis lalu.

Pengurus Majlis Pelajaran itu juga menyentoh lapan dasar pelajaran baru dan menghuraikananya sa-chara panjang lebar. Kandungan dasar pelajaran itu ia-lah:

Pertama: untuk menjadikan sa-chepat mungkin Bahasa Melayu sa-bagai bahasa peng-

hantarn dalam sekolah2 rendah dan menengah kebangsaan se-suai dengan kehendak perlembagaan.

Kedua: untuk meninggikan ukuran penggunaan Bahasa Inggeris dalam sekolah2 rendah dan menengah di-negeri ini.

Ketiga: untuk lebuh menit-beratkan pelajaran Ugama Islam sesuai dengan kehendak perlembagaan.

Ke-empat: untuk menyediakan pelajaran sa-lama sembilan tahun yang sesuai dengan ke-hendak negara terus menerus kapada semua kanak2 Brunei, 6 tahun di-sekolah2 rendah dan 3 tahun di-sekolah2 menengah bawah.

Kelima: untuk mempastikan dengan menyediakan iktisar mata pelajaran yang isi-nya sa-rupa, yang taraf pelajaran di-semaua sekolah ada-lah sa-banding.

Ke-enam untuk menjadikan pe-lajaran menengah dapat di-chapai oleh semua orang ber-dasarkan kapada kehendak2 dan kebolehan mereka.

(Lihat muka 8)



Duli Yang Maha Mulia ketika di-alu2kan keberangkatan Baginda ditambatan Kastam Diraja oleh Y.B. Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Paduka Awg. P.A. Coates, salah sa-orang ahli jawatankuasa temasha lumba perahu bagi memperingati lawatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

ASSALAMU 'alaikum warah-matullahi wabarkatuh.

Pengerusi majlis dan hadhirin yang sangat2 di-hormati.

Dalam masa negara kita menjalankan pembangunan dan merancangkan kemajuan maka adalah perlu dan sudah kena pada tempatnya penulis2 tanah ayer bersama2 menyambut rancangan dan menjalankan perlaksanaannya, dengan menggunakan pena mereka untuk menchoretkan2 hujong pena-nya ka-atas sa-bagai sumbangan dari mereka. Mengapa choret2 hujong pensil atau pena itu mengambil peranan penting dalam rancangan pembangunan negara itu. Ini tidak dapat dinafikan kerana sa-suatu kemajuan itu ada-lah berasaskan perasaan yang terbit dari seluruh raayat yang mengambil bahagian di-dalam kemajuan itu. Jikalau raayat tidak punya perasaan, tidak punya kemauhan, tidak punya keazaman untuk melaksanakan chita2 itu sudah tentu chita2 itu tidak akan berhasil.

Kerana terlaksana-nya chita2 itu ada-lah di-dorong oleh semangat mahu maju dan terus mahu dan kemauhan itu terus di-laksanakan. Maka semangat yang demikian itu datangnya ada-lah dari hasil hujong pena choret charet ada-lah di atas kertas yang melukiskan makna2 yang mengandungi semangat untuk menyuborkan perasaan dan dan kemauhan untuk memajukan negara itu. Jikalau sudah semangat untuk mahu maju itu subor dalam perasaan seluruh raayat, maka kemajuan yang dimaklud itu akan hidup. Kerana perasaan raayat yang mahu maju itu sudah tidak dapat di-tahan2 lagi, ia mahu maju, ia mahu melaksanakan chita2. Maka dengan demikian insha' Allah chita2 itu akan terlaksana. Siapakah yang akan menyuborkan semangat itu? Tidak lain tidak bukan penulis2 tanah ayer yang mengerti akan se-lok belok keadaan jiwa bangsa-nya sendiri.

Jikalau di-singkap tabir sejarah dato ninek kita orang Brunei yang mempunyai kemauhan yang tegas yang sentiasa menghadapkan taat setia-nya kepada Sultan turun temurun akan ternyata kapada kita bahawa asal saja orang itu berasal dari Brunei, maka orang itu biasanya mempunyai semangat yang sedemikian ini. Maka jika semangat ini kita suborkan lagi, insha Allah — dengan izin Tuhan chita2 untuk memajukan negara itu akan tercapai. Itu-lah sebabnya penulis2 itu perlu menulis, menggunakan pena mereka supaya semangat yang telah sedia, yang di-warisi oleh dato ninek kita turun temurun itu akan terus subor di-kalangan raayat Brunei Darussalam yang tidak mahu mundur2 untuk meneruskan chita2-nya. Perkara ini telah terbuktii dari chatetan sejarah2 Brunei yang mana dato ninek kita yang berasal orang Brunei itu sentiasa mempunyai semangat keperwiraan-nya yang memang terkemuka dari sejak zaman berzaman itu. Sekarang di-zaman pembangunan negara, di-zaman pembangunan perasaan semangat penulis2 berkewajipan bertanggungjawab untuk menghidupkan sa-mula semangat2 kita kita itu supaya dapat di-ikuti oleh jenarasi kita yang akan datang.

Dalam hal penulis jangan lupa semangat yang penting yang selalu di-anut oleh datok ninek kita ia-lah dua perkara:

Pertama: Fahaman ugama Islam.

Kedua: Tata tertib beristiadat.

Dua perkara ini menjadi identiti orang Brunei di-zaman dulu. Ka-

Penulis2 boleh memainkan peranan dalam pembangunan negara

BERIKUT ini ia-lah uchapan penoh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dalam Majlis Penyampaian Hadiah kapada peserta2 Peraduan Menulis Buku Ilmu Kesihatan di-Bilek Kuliah DBP pada 1hb. Februari yang lalu.

lau sa-orang itu datang ka-negeri orang lain dua perkara ini yang kelihatan. Pertama-nya kebanyak-an atau keselurohannya orang2 Brunei yang berada di-luar negeri itu sentiasa menurut ugama Islam dan peraturan2 Islam. Dengan keadaan sedemikian itu mereka jadi terkenal. Bila mereka di-jumpai, orang berkata 'Oh, ini orang Brunei'. Yang Kedua tingkah laku mereka yang beristiadat, berspon santun dan berperibahasa ini juga mengenal identiti orang Brunei. Kalau dua perkara ini terdapat, terlihat, kelihatan di-manapun, tak payah di-sebut siapa orang ini, melainkan orang berkata 'oh ini orang Brunei'. Kalau pun ditanya kita datang dari mana, tentu ia menjawab orang Brunei. Jadi identiti yang sedemikian ini akan kita hidupkan akan kita suborkan di-mana juga orang Brunei berada. Kalau di-lihat dengan keadaannya ini tentu-lah orang Brunei itu kelihatan berbeda macham orang memilih beras, kelihatan atah2 itu dari beras yang banyak sa-bagi pati-nya. Ini-lah orang Brunei.

Walau pun keadaan kita sama rupa, sama muka, sama tuboh, sama badan—sama rambut, sama segala2-nya, tetapi di-lihat dari keadaan, keadaan itu dapat membedakan ini orang Brunei. Apa perbedaan itu? Sifat2 mereka ketegohan mereka dalam menganut ugama Islam dan keadaan mereka mengikuti adat istiadat yang sudah sebat dengan darah dato ninek-nya itu yang menjadikan mereka teristimewa di-kalangan masyarakat yang ia berchampor dimana ia berada. Perkara ini telah di-tulis oleh penulis2 pada zaman dahulu, terutama sekali di-waktu dato ninek kita mengembangkan ugama Islam di-utara pulau Brunei, di-kepuulauan Filipin; yang mana di-katakan orang2 Sepanyol sendiri tidak sanggup menghadapi keadaan orang2 Brunei di-waktu itu yang sentiasa menyibarkan ugama Islam di-sana.

Dengan keadaan itu pada T.M. 1576 Francisco La Sande terpaksa menghantarkan satu surat kapada Sultan Saiful Rizal untuk meminta supaya pengembang2 Ugama Islam Brunei di-minta berhenti dari menyibarkan Ugama Islam di-kepuulauan Filipin itu. Arti-nya mereka (orang Brunei) pada waktu itu sangat giat mengembangkan ugama Islam itu. Dalam satu surat yang di-kirim oleh Sultan Hassan kapada Gabnor Manila pada T.M. 1599 ada menyebutkan bahawa di-antara orang Sepanyol dengan orang Brunei sentiasa berkelahi di-Pulau2 itu. Jadi surat itu meminta supaya perkelahian itu jangan-lah hendaknya di-te ruskan kerana baginda Sultan Brunei hendak berbaik2 dengan mereka itu.

Jadi, dari isi surat itu kelihatan orang Brunei itu nampaknya tersasing atau nampak di-pandang nyata oleh masyarakat di-tempat mereka berada. Arti-nya orang Brunei itu dapat di-kenal oleh orang Sepanyol jikalau ia berada di-sana. Keadaan kita sa-demikian ini-lah kita akan suborkan

dan kita akan hidupkan supaya semangat datok ninek kita yang telah di-semai dalam darah daging kita akan hidup dan terus hidup. Dan jangan lupa semangat itu dapat di-lunturkan oleh anasir2 yang menghasut untuk memecah belahkan negara kita. Dengan sebab itu-lah kita tekanan bawah beradab dan beristiadat yang sedang ada di-dalam darah daging kita itu, kita jadikan asas penulis, sumber2 penulisan supaya hidup bangsa dan negara kita.

Penulis yang bersandarkan ugama Islam dan adat istiadat yang di-maksudkan itu bukan dapat di-tulis dengan bagitu sahaja, tetapi di-selideki, di-siasat, di-kaji dan di-dapatkan bahan2-nya. Jikalau kita menulis tanpa pengkajian yang sedemikian sudah tentu kita tidak akan dapat isi2 kandongan tulisan yang di-maksud itu. Ada orang pernah juga berkata kapada saya, 'Apa guna di-kaji perkara ini? Apa guna di-selidek sesuatu itu. Kalau mahu buat, buat terus. Bukan-kah mengkaji itu mengambil masa yang panjang?' Tapi saya kata pengkajian ada-lah mustahak.

Mengkaji itu memang di-surohkan supaya dapat isi2 yang terkandong di-dalam sa-suatu perkara yang hendak di-kaji itu di-chapai dengan chukop tepat. Tetapi jikalau kita membuat sa-suatu itu dengan sambil lewa saja tanpa membuat satupun pengkajian, jika ada sa-suatu yang ketinggalan sudah tentu perkara itu akan mendapat se-suatu kekesalan, kerana tanpa isi2 kandongan yang ketinggalan itu akan terpaksa kita masukkan sa-mula dan perkara yang kita buat itu terpaksa kita ubah sa-mula sa-sudah kita dapat sa-suatu perkara yang tidak bersetujuan di-dalamnya.

Dalam hal penulis ini penulis2 jangan-lah sa-mata2 menumpukan perhatian kapada penulisan cherpen dan sajak2 sahaja seperti yang kita dapat pada zaman yang baru2 ini. Banyak lagi perkara2 lain yang kita hendak tulis. Dalam penulisan cherpen pula saya dapat dan saya dengan kebanyakan juga penulis2 cherpen yang telah menulis cherpen itu ada yang berlawanan dengan adat istiadat kita atau hukum2 Islam, seumpamanya penulis2 mewatkan sa-orang yang berhadapan dengan kedua ibu bapa-nya mengeluarkan kata2 yang pedas yang mana kata yang pedas ini tidak sewajar-nya dilafazkan oleh sa-orang Islam yang sejati kapada kedua ibu bapa-nya dan juga tidak bersesuaian dengan adat istiadat kita orang Brunei. Jadi perkara ini hendaklah di-elakkan dalam hal penulis-

Dalam lapangan penyelidikan terhadap chiri2 kebudayaan Brunei masa ini maseh terbuka luas dan belum banyak di-usahakan lagi, ia-itu:

(a) Cherita2 raayat ya'ani folklore.

(b) Pantun2 shaer2 peribahasa.

(c) Adat perkahwinan pantang larang.

(d) Perusahaan tempatan seperti bertunun, bertukang, me-nangkap ikan, bersawah dll.

(e) Hal ehwal wira-raayat (folk-hero) pula seperti Haji Saman, Orang Kaya Harimau Padang, Orang Kaya Kahar, Awang Semaun, Raja Benda-hara Sakam, Pehin Orang Kaya Digadong Awang Li-wadin, Pehin Jawatan Mu-nap, Orang Kaya Besar Imas dan lain2 lain.

Wira raayat yang tersebut patut di-hidupkan kerana raayat akan menghidupkan semangat bangsa kita. Dengan ada-nya semangat itu maka akan timbul kemauhan. Dengan ada-nya kemauhan itu dapat kita me-akasnakan chita2 negara kita yang hendak membungunkan kemajuan itu.

Dalam hal penulisan ini Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa ber-sedia menerima bahan2 penyelidikan saperti yang di-sebutkan untok di-muatkan ka-dalam maja-lah Berita, Bahana dan Mekar atau di-terbitkan dalam bentuk buku, jika sesuai. Kelambatan penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam perkara ini ada-lah di-sebabkan kurang-nya sambutan dari penulis2 tempatan yang dapat menghasilkan bahan2 dari sumber tempatan. Arti-nya penulis2 adalah di-minta untuk menyelidek perkara ini supaya dapat bahan2 tulisan itu di-terbitkan. Dengan ada-nya penerbitan itu dapat merapkan fikiran antara penulis dengan seluruh raayat yang mem-bacha-nya.

Penulis2 walau pun mereka berada di-rumah mereka atau berada di-pejabat2 mereka atau berada di-pejabat2 mereka atau berada ada-nya tulisan itu di-chap atau di-chetak dan di-sebaran kapada orang yang membacha-nya maka dengan sendiri-nya penulis2 itu telah dapat berchampor gaul, ber-temu ramah, bersemuka dengan orang yang membacha-nya itu. Kalaupun tulisan2 yang di-tulis itu merupakan satu pengajaran, merupakan satu gambaran yang baik, merupakan satu tulisan yang bersemangat sudah tentu apa yang di-tulis itu akan dapat sa-banyak sedikit membantu, menjadi menyumbang kapada semangat kita yang telah di-warisi dari datok ninek kita itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka bi-la masa dapat mengajorkan apa saja chorak peraduan penulisan seperti penulisan nobel, buku cherita2 raayat, buku2 sejarah dan lain2. Tapi soal-nya apa-kah penulis2 Brunei sudah sanggup untuk memasuki-nya? Ini yang menjadi soal. Tetapi jikalau kita ber-azam dengan sepenoh2-nya menyelideki dengan sepenoh2-nya ber-niat dengan sekutu2-nya untuk menulis, untuk menyelidek, untuk menghadapkan fikiran kita, untuk membangun bangsa dan negara kita, insha Allah perkara ini akan tercapai.

Kita selalu menghadapi chabar-an2, waktu dan chabar-an2 zaman. Ini ada-lah perlu di-hadapi. Kalaupun kita mahu maju kita tidak undor daripada chabar-an itu. Chabar-an ada-lah sa-bagai dua gudaan. Kita sifatkan dia sa-bagai satu penchu-baan untuk kita meneruskan chita2 kita. Saya selalu berchakap bahawa tidak guna kita menchari sa-orang ahli pelayar yang chekап (Lihat muka 6)

Menghulurkan derma kepada orang2 yang memerlukan bantuan sangat2 di-galakkan oleh Islam



KHUTBAH JUMA'AT

Wahai orang2 yang beriman belanjakan-lah barang yang baik2 dari apa yang kamu perolehi dari usaha2 kamu dan dari apa yang kami tumbangkan (untuk kamu) dari bumi. Jangan-lah kamu sengaja membelanjakan barang yang tidak baik, sedangkan kamu sendiri tidak suka mengambilnya jika di-berikan orang kapada kamu melainkan dengan 'bekajam mata', ketahui-lah Allah maha kaya dan maha terpuji'.

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

"Tiada sekali2 kamu akan mendapat kebaikan kechuali kamu membelanjakan (menghulurkan pemberian) sa-bahagian dari barang2 yang kamu sayangi, dan apa2 sahaja yang kamu berikan itu sesunggohnya Allah mengetahui-nya".

Supaya pekerjaan kebaikan kita pada menghulurkan pemberian itu mendapat ganjaran pahala dan menepati kehendak2 pemberian yang sebenar-nya menurut ajaran Is-

"Wahai orang2 yang beriman, jangan-lah kamu batalkan pahala sedekah kamu dengan chara bangkit2an dan gangguan sa-bagaimana orang yang membelanjakan hartanya kerana menunjok2 dan ria, sa-bagaimana orang yang tidak beriman kapada Allah dan hari kemudian. Maka bandingan-nya ada-lah seperti batu lichin yang di atasnya

MENGHULURKAN pemberian kapada fakir miskin atau orang2 yang memerlukan bantuan itu ada-lah satu perbuatan yang sangat di-galakkan oleh Islam. Dan dalam hubungan ini, patut-lah kita ketahui bahawa barang2 yang hendak di-berikan itu hendak-lah dalam burok yang baik, bukan barang2 yang sudah burok dan lapok, atau barang2 yang sememangnya sudah tidak kita kehendaki lagi. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:



"Wahai orang2 yang beriman belanjakan-lah barang yang baik2 dari apa yang kamu perolehi dari usaha2 kamu dan dari apa yang kami tumbangkan (untuk kamu) dari bumi. Jangan-lah kamu sengaja membelanjakan barang yang tidak baik, sedangkan kamu sendiri tidak suka mengambilnya jika di-berikan orang kapada kamu melainkan dengan 'bekajam mata', ketahui-lah Allah maha kaya dan maha terpuji".

lam, maka patut pula-lah kita menjaga jangan sampai terjadi perkara2 yang merosakkan pemberian itu. Di-antara perkara2 yang merosakkan pemberian ia-lah membangkit2 atau menyebut2 pemberian kapada orang yang menerima, kerana yang demikian itu menganggu dan menyentoh perasaan-nya dan hal ini sangat di-larang oleh Allah Subhanahu-Wataala sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud:

ada pasir, lalu di-timpa hujan lebat, kesan-nya ada-lah batu itu lichin sa-mula. Mereka itu tiada dapat sa-suatu pahala dari yang mereka kerjakan dan Allah tiada memberi hadiah kapada kaum yang kafir".

Bagitu juga apabila kita menghulurkan apa2 pemberian jangan-lah kita mengharapkan balasan yang lebih banyak, seperti sa-orang peniaga memberi hadiah kapada pembeli supaya dapat menarik untung yang lebih banyak, kerana perkara itu pun di-larang oleh Allah Subhanahu-Wataala sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud:

"Jangan-lah engkau memberikan sa-suatu kerana hendak meminta lebih banyak daripada-nya".

Dan lagi apabila kita menghulurkan apa2 pemberian kapada orang jangan-lah dengan sifat2 sumpong dan berbangga2 kerana dengan ada-nya sifat2 jahat itu sudah tentu kita tidak akan mendapat apa2 pahala, malahan mungkin pu-la akan menyentoh perasaan orang yang menerima.

Mari-lah kita membelanjakan harta dan wang ringgit kita pada jalan2 yang di-redhai Allah dengan suci hati dan ikhlas seperti menulung orang2 yang susah, menderma untuk membangun mesjid, menderma untuk mangsa2 kebakaran dan sebagai-nya, mudah2an sumbangan kita itu akan mendapat ganjaran pahala yang sebaik2-nya daripada Allah Subhanahu-Wataala.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. Februari, 1974 hingga ka-hari Selasa 19hb Februari, 1974 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
13hb. Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
14hb. Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15hb. Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16hb. Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17hb. Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18hb. Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19hb. Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

503 masok sekolah

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 503 orang anak2 baru telah masok belajar di-12 buah Sekolah Melayu di-Daerah Belait pada awal bulan lepas.

Dari jumlah itu sa-ramai 222 orang telah masok belajar di-Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria dan 127 orang ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sementara itu, sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran di-Daerah Belait berkata, dua buah sekolah Melayu sememangnya siap dan akan dapat digunakan pada tahun ini.

masa ini dalam pembinaan telah berjalan dengan memuaskan.

Sekolah2 itu ia-lah di-Kampung Buau dan Kampung Apak2.

Juruchakap itu berkata bahwa kerja2 pembinaan sekolah sementara di-Buau ham-pir siap dan akan dapat digunakan pada tahun ini.

Sekolah2 itu di-bina oleh penduduk2 di-kampung2 tersebut dengan di-bantu oleh Jabatan Pelajaran.

Laporkan dgn segera sebarang

kematian kerbau/lembu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan bulanan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei-Muara telah di-adakan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan pada minggu lalu dan telah di-pengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif.

Awang Jaya memberitahu Penghulu2 dan Ketua2 Kampong bahawa satu perkara mustahak perlu di-bangkitkan ia-lah berhubong dengan penyakit kerbau yang sudah didapati di-negeri ini.

Beliau menyeru penduduk2 di-Daerah Brunei-Muara terutama sekali penduduk2 pedalaman menerusi Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya berwaspada dan tidak akan membiarkan ternakan mereka berkeliaran masok ka-kawasan2 yang di-jangkiti oleh penyakit kerbau.

Pemangku Pegawai Daerah itu juga mengharapkan sa-ba-rang kematian kerbau di-kawasan2 pedalaman hendak-

lah dengan serta merta di-laporkan kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong atau kapada Pejabat Daerah Brunei-Muara.

Dalam perjumpaan itu, tiga orang pegawai telah memberikan penerangan lengkap kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya penerangan2 itu dapat di-sampaikan kepada anak buah mereka, bagi mendapatkan kerjasama yang lebih erat.

Timbalan Pengawal Imigrasi dan Pesuruhjaya Penyatakan Kebangsaan, Awang Yaakob bin Ahmad telah memberikan penerangan berhubong dengan pendaftaran kad pengenalan.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Sidek bin Yahya telah menerangkan berhubong dengan penjualan barang2 di-tamu Bandar Seri Begawan dan Timbalan Penyatakan Beranak dan Mati, Dayang Mordiah binte Zakia telah menerangkan berhubong dengan kerja2 di-pejabat itu.



(13hb. Februari, 1974)

BADAN KENADZIRAN BEBAS

TUJUH perkara penting yang di-timbulkan ka-atas laporan semua sekolah2 di-negeri ini seperti yang di-kehendaki oleh Badan Kenadziran Bebas merupakan satu matalamat terhadap dasar perubahan baru dalam sistem pendidekan moden yang ujud di-Brunei sekarang.

Badan Kenadziran dalam bentuk-nya yang bebas akan terus membuat laporan2 sa-chara khusus mengenai semua aspek pendidekan yang juga akan bertanggong-jawab kepada Pengurus Majlis Pelajaran siapa nanti akan membuat arahan2 terus-menerus kepada Jabatan Pelajaran untuk 'mengusai' dan memperbaiki dimana2 juga terdapat sa-barang kerumitan2 yang menganggu perjalanan pelajaran di-sekolah2.

Laporan2 yang di-kehendaki oleh Badan Kenadziran Bebas itu dalam tinjauan dan pemerkasaan mereka ka-sekolah2 akan mengemukakan pertanyaan2 saperti disiplin sekolah sa-chara am, pengawasan pengajaran, Pentadbiran Sa-chara Am, Permakanan dan Asrama, Pengawasan harta benda Sekolah dan bangunan2 serta perhubungan guru besar dengan guru2 dan masyarakat keliling.

Badan Kenadziran Bebas yang baru di-bentuk itu akan menumpukan perhatian kapada Sekolah2 Menengah Inggeris akan bergerak ka-sekolah2 rendah Inggeris, Melayu, China dan Misi yang bertujuan untuk membuat laporan2 sa-chara detil akan keizinan2 yang berjalan di-sekolah2 itu.

Pindik kata tugas penting yang harus di-beri perhatian ia-lah menchari kesulitan2 yang di-hadapi oleh sekolah itu. Ini termasok-lah masalah penuntut, masalah guru, perhubungan, peralatan sukanan pelajaran dan perkara2 lain yang di-fikirkan boleh di-atasi bagi perjalanan kemajuan di-sekolah2 berkenaan.

Jika perkara2 yang melibatkan kemundoran di-sebuah sekolah sa-banyak sedikit dapat di-'usai', maka akan kita nampak hasil2 kemajuan boleh tercapai dengan berkesan dan sa-chara tidak langsung daya-usaha, tumpuan fikiran serta semangat dedikasi antara guru dengan murid di-bidang pelajaran akan sentiasa meningkat maju.

Sa-bagi sa-buah negara muda dalam pendidekan dan pelajaran, Brunei akan terus menjayakan usaha2-nya dari tenaga raayat-nya sendiri di-samping melalui lebuh ramai tenaga2 baru yang boleh mengendalikan tugas2 penting tanpa bersandar kapada orang lain.

Ka-arah chita2 ini, maka Majlis Pelajaran yang menyediakan beberapa prinsip tertentu akan menjadikan tempat untuk berpijak yang bakal dilalui oleh semua raayat menuju ka-arah kemakmoran dan kesentosaan.



Salah satu achara lumba perahu yang telah di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad lepas.

Lumba perahu

(Dari muka 1)

Di-samping menyaksikan temasha tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah mengambil bahagian dalam lumba perahu 15 orang antara Jabatan2 Kerajaan. Dalam achara ini pasukan yang di-ketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah memenangi tempat kedua. Pemenang pertama ia-lah Jabatan Laut dan tempat ketiga di-menangi oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Di-antara pembesar2 negara yang turut menyaksikan temasha lumba perahu itu ia-lah Penasehat Umum kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pe hin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Y.T.M. Seri Paduka Pengiran2 Wazir; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Y.A.M. Cheteria2; Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pengiran2 dan Pe hin2.

Sa-banyak 14 achara perlumbaan termasok lima achara lumba moto sangkut telah di-pertandingkan dalam temasha lumba perahu itu.

Hadih2 kapada pemenang2 dalam temasha tersebut telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Laila Utama Peter Gautrey.

Uchapan terima kaseh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menjunjung Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohamed Yusof suami kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2

(Dari muka 1)

hin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain bin Pe hin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof; Y.M. Datin Dayang Norsinah binte Pe hin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof dan Y.M. Datin Dayang Norliah binte Md. Yusof.

Awang T.P. Forde menerima Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J.

Awang E.M. Reynold menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.

Yang Mulia Begawan Mudim Haji Hassan bin Matseruddin menerima Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Ber-sinar Darjah Ketiga — S.S.U.B.

Awang P.C.V. Adamson menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.N.B.

Y.M. Datin Y.B. Pe hin Datu Permakawi Diraja Dato Seri Pahlawan G.E. Coster; Awang Yaakub bin Haji Mohd. Yusof; Awang I.G. Faraker dan Dr. W. Turner masing2 menerima Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.

Emat orang telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. Mereka ia-lah Awang V. Abdul Salam; Awang S. Cruikshank; Awang Hurairah bin Pe hin Jawatan Luar Pekerman Raja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Taha dan A/Cpt. Brahim bin Jumahat.

Lain2 penerima Bintang2 dan Pingat2 di-Istiadat itu ada-lah sa-perti berikut:

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Inspector Awang Muhammad bin Haji Zainal Abidin, Awang M. Alexander, Awang Burgess, WO I K.N. Hayward, WO I P.



D.Y.M.M. ketika mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B. kapada Y.B. Pe hin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain.

Dunn, WO II Mohd. Shah bin Mohd. Noor, WO II Asmat bin Garing, WO II Jaafar bin Haji Jaludin, WO II Taha bin Mohd. Yusof, WO II Alaikbar bin Sanai, C/Sgt. Julaihi bin Abu Bakar, S/Sgt. Norsyah bin Abdullah, S/Sgt. Abd. Ghani b. Naim, S/Sgt. Mohd. Jawi bin Ibrahim, Sgt. Abdul Aziz bin Asmat, Sgt. Sabtu bin Amba, Sgt. Maimin bin Abu Bakar, Sgt. Hamidon bin Md. Noor, Sgt. Ahmad bin Ibrahim, Sgt. Mohd. Azmi bin Abdullah, Sgt. Ismail bin Nudin dan Sgt. Jais bin Abu Bakar.

Pingkat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Pertama — P.H.B.S. (I)

Y.B. Pe hin Datu Derma Setia Dato Seri Paduka P.A. Coates, Y.B. Pe hin Datu Saudagar Derma Laila Dato Seri Paduka R.T. Lloyd Dolbey, Y.B. Col. Dato Seri Pahlawan B.F.L. Rooney.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Awang P.G. Krishnan, Dato Paduka G.T. Hambly, Awang A.J. Jacques, dan Cpl. Kambar bin Muhammad.

Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B.

Awang Tan Liang How, Cpl. Lakim bin Jumaat, Cpl. Aliuddin bin Nordin, Cpl. Ladi bin Haji Ali, Cpl. Ahmad bin Mat Sahat, Cpl. Yahmad bin Tinggal, L/Cpl. Sinin bin Tuba, L/Cpl. Pg.

(Lihat muka 5)

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 34/1973.

Bahawa permoninan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Aw. Morni bin Ampuan Zanuddin, d/a. Mesjid Hassanil Bolikh, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ekah bin Nurik yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Pemaggang Surat Wasiat kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 35/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Naia bin Gambong, d/a. Sekolah Melayu Layong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Yapsi bte Laju yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 36/1973.

Bahawa permoninan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Naia bin Gambong, d/a. Sekolah Melayu Layong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ijah bte O.K. Tanggong yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 37/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kitan bin Muntok @ Musim, d/a. Kampong Panchong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jaraat bin Ungkau yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 38/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jaludin bin Jaidin, d/a. Kampong Kupang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Intan binte Duiyah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 41/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dahian bin Ranik @ Dahian bin Abd. Rani, d/a. Kg Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Intan binte Duiyah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 42/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sia Yong Ching, d/a. Kampong Kuala Abang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sia Cheng Wan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 43/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kamsiah bte Md. Noor, d/a. Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tahir bin Burut yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 1/1974.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lintong bin Ingah, d/a. Balai Pulis Diraja, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Rangki bte Ringgit yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

HAJI ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Mereka yang dpt Pingat2

(Dari muka 4)

Razali bin P.H. Mohd. Said, L/Cpl. Metasan bin Metussin dan L/Cpl. Ibrahim bin Salleh.

Pingat Kerja Lama

Awang Mohd. Yusof bin Apong, Awg. Hj. Abd. Wahab bin Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Seri Utama Haji Ismail, Awang Abdul Latif bin Abdul Rahman, Awg. Md. Daud bin Abu Bakar, Awang Mohd. Hassan bin Sulaiman, Awang Ibrahim bin Yusof, Awang Ismail bin Hashim, Awg. Azri bin Ali Hassan, Awang Mochiddin bin Othman, Awang Osman bin Abdullah, Awang Adis bin Othman, Y.M. Pengiran Yusnus bin Pengiran Temanggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohamad.

Awang Chua Kong Ann, Awang Othman bin Ahmad, Awang Angkat bin Haji Abdul Razak, Y.M. Pengiran Kahar bin Pengiran Kamaluddin, Awang Ahmad Skinner.

Awang Mohd. Ali bin Hj. Awang Besar, Awang Francis King, Awg. Md. Yusoff bin Haji Metussin, Awang Charlie Keasberry, Y.M. Pengiran Dato Setia Momin bin Pengiran Mohd. Salleh, Awang Mathew Lee.

Awang Yahya bin Taha, Awang Ibrahim bin Seradin, Awang Ang Kim Chan, Awang Tamit bin Asmat, Awang Haji Salleh bin Arshad, Awang Timbang bin Yusoff, Y.M. Pengiran Othman bin Pengiran Damit, Awang Besar bin Osman, Y.M. Pengiran Ahmad bin Pengiran Sulaiman, Y.M. Pengiran Damit bin Pengiran Mohamad, Awang Besar bin Momin, Awang Mohd. Yusof bin Gumbol, Awg. Ramli bin Abd. Kadir, Awang Abdi Manaf bin Abu Bakar, Y.M. Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu, Awang Ibrahim bin Md. Yassin dan Ag. Hj. Majid bin Pe hin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Zainal.

SURAT KUASA PESAKA No. 40/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kamsiah bte Md. Noor, d/a. Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tahir bin Burut yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 21 haribulan Februari, 1974 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 haribulan Februari, 1974.

Ejaan: Kita tetap menggunakan Bahasa Melayu

(Dari muka 2)

jikalau laut sentiasa tenang. Oleh kerana laut berombak dan bermain ribut dan bergelombang dan mempunyai arus yang kuat, maka itu-lah sebabnya pe ayar2 itu dikehendaki melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan sa-bagai sa-orang ahli laut. Jadi begitulah hendaknya dengan kita sa-bagai raayat yang mahu maju, kita sentiasa memikirkan bahawa alam ini bukan tenang, tetapi mempunyai pergolakan.

Untuk menjayakan diri kita dalam pergolakan itu, sa-tiap raayat mesti melengkapkan dirinya dengan ke'engkapan2 yang patut untuk menghadapi pergolakan2 yang mungkin akan di-hadapi-nya itu supaya ia berjaya. Kalau sekiranya kita menghadapi sa-suatu itu pada permulaan-nya kita telah tersilap, maka kesilaran itu di-jadikan asas untuk kita menvelideki di-mana chara kita hendak menjawab sa-suatu itu lebuh berjaya lagi dari pada yang sudah2 itu. Jika hidur di-dunia ini tidak dapat mengelakkan diri dari pergo-

lakan atau berkehendakkan supaya keadaan dunia ini tenteram, tenteram, tenteram saja selama2nya. Itu ada-lah adat keadaan dunia yang sentiasa bergolak. Chu-ma hanya kita berikhtiar untuk mencari jalan bagaimana kita menghadapi pergolakan itu.

Mengenai dengan ejaan, apakah ejaan yang akan kita pakai untuk menulis atau menchetak buku2 yang akan kita keluarkan itu? Ada sa-tengah surat khabar luar negeri telah menganjorkan supaya kita menggunakan ejaan bahasa negara orang lain tetapi bagi kita, oleh kerana kita ada mempunyai ejaan sendiri, negeri sendiri, bangsa sendiri dan kita mengamalkan bahasa Melayu, maka kita tetap menggunakan ejaan yang kita gunakan pada waktu ini. Kalau ada pun perubahan untuk ejaan baharu kita itu, perubahan itu ada-lah perubahan yang kita buat untuk kita sendiri.

Ada orang mengatakan dalam surat khabar asing bahawa bahasa Melayu di-Brunei sudah tidak

mengikut ejaan yang di-buat oleh negeri2 yang menggunakan bahasa Melayu. Saya suka bertanya kepada-nya apa-kah bahasa yang di-namakan bahasa rasmi di-Brunei, Bukan-kah Bahasa Melayu. Ada-kah layak bahasa rasmi kita mengikut Negeri2 lain yang sudah tidak menamakan bahasa negerinya dengan Bahasa Melayu. Kalau orang Brunei berfikir, dapatkah kita mengubah nama bahasa Melayu itu kepada bahasa orang lain, bahasa negara lain, dengan menamakan bahasa Melayu itu mengikut nama negara mereka sendiri. Itu tidak wajar bagi kita.

Surat khabar itu sengaja hendak menchemak2kan negara kita. Orang2 kita yang tidak perlu menggunakan ejaan2 menurut apa yang telah di-buat oleh orang lain. Tidak semestinya perubahan di-negara lain itu akan kita ikut untuk mengubah keadaan kita. Itu ada-lah terpulang-lah kapada peribadi kita sendiri. Kalau kita mempunyai bahasa sendiri, kita terpaksa mesti mempunyai ejaan kita sendiri, kerana kita telah sanggup berdiri di atas tapak kaki

sendiri yang mesti sanggup berdiri untuk memupok semangat bangsa kita sendiri tentang orang mengkeji dari hal keadaan kita yang tidak ikut serta di atas ejaan orang, itu ada-lah perkara lain.

Tiap2 negara, masing2 dengan keadaan politik-nya sendiri, tidak termesti kita terpaksa mengikut ejaan orang. Jadi kalau sekiranya orang2 lain hendak mengatakan atau memperli2kan kita meng-fa-apa kita tidak mengikut ejaan orang lain, itu ada-lah soal kita sendiri, bukan kena mengena dengan soal orang lain. Bukan bahasa kita saja yang berlainan ejaan banyak lagi ejaan2 yang berselisih di-dunia ini. Kalau kita lihat ejaan yang bertulis dengan menggunakan huruf rumi saja pun bermacam2 ejaan-nya dan berbagai2 bahasa yang di-lafazkan-nya. Kalau orang Itali mengeja Rom dengan Roma orang Inggeris mengeja Rom dengan Rome dan lain orang lain2 lagi mengeja lain pula. Apa-lagi kalau

(Lihat muka 7)

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 1/1974.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Zalena binte Haji Awang Anmad, Lot No. 124, Kampong Meiyau Asli, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Ahmad bin Haji A. Kazak yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah anak perempuan (sulong) kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 2/1974.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yong Tin @ Yong Min, Lot 3503, Kampong Perpindahan, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Lee Say Moi yang telah meninggal dunia di-dalam Seria dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah sepupu menantu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 3/1974.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Madam Chin Kit Fah, Lot 3494, Kampong Perpindahan, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Tan Kong Kai yang telah meninggal dunia di-dalam Seria dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 52/1973.

Bahawa Permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rakiah binte Pg. Haji Damit, Lot 239, Jalan Mesjid, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Pg. Matarasat bin Pg. Mohamed @ Pg. Matarasat bin Pg. Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah

Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 49/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Menah binte Besi d/a Zaidi bin Mohamad Batiam, J.K.R., Bukit Puan, Ulu Belait, Negeri Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Bujang bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 50/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Wee Muk Chew, Lot 3716, Jalan Lubok Rumbia, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang

di-punya oleh Teo Bak Kia yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah warith kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

SURAT KUASA PESAKA No. 51/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lo Kam Tong, Lot No. 1259, Jalan Setia Negara, Kuala Belait kerana Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punya oleh Yaw Ah Fatt yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah menantu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 16 haribulan Februari, 1974, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 9 haribulan Februari, 1974.

HAJI ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Tahniah Pengarah DBP kapada peserta2 peraduan

(Dari muka 6)

dalam bahasa Arab, bahasa Urdu, walau pun bahasa itu menggunakan tulisan jawi tapi semuanya mengeja sa-suatu perkataan lain pula. Arti-nya lain padang lain belakang, lain lubuk lain ikan. Ialah menjadikan dunia ini ada mempunyai berbagai2 penjenisan. Kita tidak heran di atas perkataan itu, terpulang-lah kepada orang2 itu sendiri.

Yang lebeh baik. pelihara-lah bangsa sendiri, negara sendiri jangan-lah menchachi negara orang lain, itu bukan kewajipan kita. Yang menjadi kewajipan kita, kita memelihara bahasa kita sendiri ejaaan kita sendiri, dan kita tidak mahu orang lain champor tangan atau menghasut2, memasukkan dalam surat2 khabar konon-nya, kenapa satu negara itu tidak menggunakan ejaaan baru. Kalau saya bertanya kapada mereka siapa menukar ejaaan baru itu, kamu sendiri? Kamu-lah yang menggunakan-nya. Bukan kamu membuat untuk kami. Kami membuat untuk kami. Kamu membuat untuk kamu.

Perkara itu sudah jelas. Tapi kita sa-bagai raayat Brunei, sa-bagai orang Brunei yang turun temurun, kita hidupkan semangat kita, kita mesti menghadapi charaian yang sedemikian ini dengan penoh tawakkal dan menyerahkan kapada Allah subhanahu wata'ala kerana Allah subhanahu wata'ala sentiasa akan menyertai orang yang lurus dan benar dan sentiasa menyerahkan atau bertawakkal kapada-nya tapi tidak sekali2 sa-tiap orang2 yang kecil itu akan di-tewaskan oleh orang yang besar saja, kalau tidak dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala. Jadi jika-lau sekira-nya di-nisbahkan tiap2 yang kecil itu jadi makanan orang yang benar sudah tentu tidak ada lagi negara2 yang kecil di-dunia ini melainkan sudah habis di-makan oleh negara2 yang besar.

Tapi Allah subhanahu wata'ala sentiasa melihat, mendengar dan mengetahui akan keadaan ini, jalan yang lebeh baik, kita hendak-lah berserah kapada Allah Subhanahu Wata'ala dan bertawakkal kapada-nya. Di-samping itu kita menjalankan usaha dan ikhtiar sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam pengajaran ugama Islam yang di-turunkan-Nya kepada Nabi Muhammad s.a.w. Sebab itu-lah juga saya sebukan tadi bahawa kita menulis hendak-lah berdasarkan kapada pengajaran ugama Islam seperti yang di-sebutkan itu supaya dapat kita berpegang teguh kapada pengajaran itu. Dan moga2 Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi rahmat kapada kita dan sentiasa akan mengukohkan kita, keperchayaan kita terhadap ugama Islam yang suchi murni itu.

Akhir-nya saya menguchapkan tahniah kapada peserta2 yang telah memasuki peraduan ini dan memohonkan kapada Allah Subhanahu Wata'ala supaya mereka akan terus menerus memajukan chita2 mereka berkechimpung dengan penulisan untuk membina semangat raayat untuk di-sesuaikan dengan zaman pembangunan negara kita Brunei Darussalam. Amin ya rabbul 'alam.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi ta'ala hiwabarkatuh.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION AND WELDING

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guilds Bahagian I dan II dalam Fabrication Craft Practice ATAU Welding Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2nya sa-lama dua tahun sa-lepas memperolehi kelulusan.

'Am:

Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kapada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City and Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu. Umor sebaik2nya lebeh dari 25 tahun.

2. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN BATA

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guild Bil. 82 atau 608 atau

TAWARAN

Sharikat2 ada-lah di-pelawa untuk menghantar tawaran2 mereka bagi mengadakan perkara2 berikut untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:-

- Sa-buah Bus Jenazah Petrol (Hearse Body);
- Sa-buah Land Rover Station Wagons 109 Wheel base 12 seater;
- Sa-buah Van 3 seater 5 doors.

Tawaran2 hendak-lah di-kirimkan kepada Pengurus Lembaga Tarawan, Brunei di-alamat kepada Pejabat Kewangan Tingkat bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 5hb. Mach, 1974 jam 12.00 tengah hari.

Tawaran2 hendak-lah di-hantar dengan keterangan2 yang lengkap seperti menyatakan harga tiap2 sa-buah kenderaan itu (harga C.I.F., Brunei), tarikh tiba ka-Brunei dan juga menyertakan sekali gambar (catalogue) kenderaan2 itu.

Tawaran hendak-lah di-hantar dengan sampul surat tertutup kepada Pengurus, Lembaga Tarawan Brunei tanpa di-buboh nama pengirim atas sampul surat itu dan memberi tanda 'TAWARAN KERETA2 JENAZAH/LAND ROVER STATION WAGONS — JABATAN HAL EHWAL UGAMA. BRUNEI.'

Wang chengkeram hendak-lah terlebih dahulu di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-banyak \$200.00 (Dua ratus ringgit sahaja) untuk tian2 sa-buah kenderaan dan wang itu akan di-kembalikan kapada Sharikat2 yang tidak berjaya ke-lak.

Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sa-barang tawaran me-neenai-nya.

(HAJI ABDULLAH METASSAN)
bp. Pengetua Pegawai Hal Ehwal
Ugama, Brunei.

mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

3. PENOLONG PENGAJAR, MENCHAT DAN MENGHIAS

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guilds bil. 85 atau 615 atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

4. PENOLONG PENGAJAR, PERTUKANGAN KAYU

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guilds Bil. 80 atau 605 atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

'Am:

Semua chalun2 mesti-lah mempunyai pengalaman industri dan mesti-lah sanggup membuat kerja2 projek dan juga mengajar teori dan praktikal.

5. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN PAIP

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guilds Bil. 832 ATAU 617.

'Am:

Minat dalam bidang sukan atau lain2 kegiatan sekolah ada-lah suatu kelebehan.

Semua chalun2 hendak-lah mempunyai sa-banyak sedikit pengalaman perindustrian dan mesti-lah bersedia untuk membuat kerja2 projek sa-jain daripada mengajar teori dan praktikal.

6. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus pepereksaan City and Guilds Bahagian I dan II dalam Mechanical Engineering Craft Practice atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2nya

nya sa-lama dua tahun sa-lepas memperolehi kelulusan.

'Am:

Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kapada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City and Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukata T.7 — Brunei \$470 x 20-510-540x20-660-690x20-710-740x30-890. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang dilantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½ daripada gaji akan di-bayar bagi tap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapat dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapat dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb. Mach, 1974.

Pegawai Kechil Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pegawai Kechil Teknik Rendah di-Jabatan Ukur, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebh dari 25 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dan lulus dalam perkara Ilmu Hisab.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 daripada kakitangan2 Jabatan Ukur yang tidak mempunyai kelayakan2 yang di-perlukan seperti di atas tetapi ada mempunyai pengalaman dalam bahagian ukur akan juga di-per-timbangkan.

Permohonan2 daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan mereka siapa yang di-kehendaki menyertakan bersama2 permohonan

ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Perhonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb. April, 1974.

Sa-bagai Tradesman

Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tradesman Tingkatan I Kumpulan I di-Jabatan Ukur, Brunei.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu dan boleh membacha lukisan2.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki membuat dan membaiki perabot2, membaiki perahu dan membuat bairup ukur.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 EB. 4 — \$220x5-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb. Mach,

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Badan Kenadziran Bebas punyai t-jawab penting

(Dari muka 1)

Ketujoh: untuk memberikan kapada semua kanak-kanak Brunei segaja kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenohi kehendak yang di-perlukan oleh negara supaya semua kehendak itu di-penohi oleh rakyat Brunei sendiri dan

Kelepasan: untuk menimbulkan melalui salaran2 di atas, satu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa taat setia kepada Brunei dan juga membangun kecekapan dan sifat melentor di-dalam sistem pelajaran untuk memenohi kehendak pembangunan negeri itu.

Yang Berhormat itu kemudian mengharapkan kapada pehak2 yang berkenaan supaya dapat memenohi dan mempraktikkan mak-sud dasar pelajaran baru itu secepat mungkin.

Terdahulu sa-belum itu, Pe-mangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford dalam uchapan-nya antara lain menegaskan bahawa Badan Kenadziran Bebas dalam bentuk-nya yang ada sekarang sentiasa membuat perhubungan dengan Pengarah Pelajaran.

Badan itu juga bertanggong-jawab bagi laporan2-nya tentang peaksanaan2 yang di-cadangkan.

Dato Bumford menerangkan Jabatan Pelajaran berarti mempunyai satu badan anggota di-bawah Nadzir Negara yang mana beberapa orang dari mereka ada-lah pakar2 dan yang lain Nadzir biasa yang akan sentiasa melawat ka-sekolah2 dan mempunyai tugas2 untuk memperbaiki mutu pengajaran dalam negeri ini.

Beliau juga berharap Nadzir2 akan sentiasa mengadakan perjumpaan bagi mendapatkan ke-yakinan penoh dari semua guru bagi menyambut baik atas segala chadangan yang sangat berguna dan fahaman mereka yang mendalam terhadap kesulitan guru dan murid.

Nadzir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris yang juga turut beruchap di-mailis itu menerangkan bahawa nadzir2 sekolah2 Melayu yang dulu-nya ada-lah pegawai2 dalam pelajaran Melayu dan Nadzir Sekolah2 China telah ditukar menjadi pegawai2 dalam bahagian kenadziran mulai tahun ini.

Kata-nya, ini ada-lah satu langkah yang besar menuju ka-arrah satu sistem pelajaran moden lagi berkesan dalam segi pendidikan dan mengajaran di-negeri ini untuk menandangi sistem pelajaran yang telah maju di-negeri2 lain.

Beliau juga menerangkan sistem peperceraan juga berubah yang kerajaan akan mengambil alih peperceraan menengah rendah dan bersama2 dengan badan2 peperceraan Cambridge di-Singapura akan mengendalikan peperceraan menengah atas.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Pembayaran perkhidmatan penchen bagi bulan Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Penchen Negara telah membayar lebih dari \$100,000.00 pada tiap2 bulan untuk perkhidmatan kebajikan penchen di-seluruh negeri.

Dalam bulan Januari yang lalu, Jabatan Penchen telah membayar sa-banyak \$127,362.50 untuk tujuan itu.

Mengikut penyata bulanan yang di-keluarkan oleh Timbalan Penngawal Penchen2 Negara menunjukkan b a h a w a sa-banyak \$122,050.00 telah di-bayar bagi perkhidmatan penchen umur tua; \$4,550.00 untuk perkhidmatan penchen orang2 buta serta tanggongan mereka dan \$762.50 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Bagi pembayaran penchen umur tua, Daerah Brunei/Muara ada-lah yang paling banyak menerima pembayaran dengan \$67,887.50 berbanding dengan Daerah Tutong sa-banyak \$24,475.00; Daerah Belait sa-banyak \$23,487.50 dan Daerah Temburong sa-banyak \$6,200.00.

Bagi pembayaran penchen orang2 buta serta tanggongan mereka, Daerah Brunei/Muara juga menerima pembayaran yang paling banyak ia-itu sa-banyak \$2,987.50; Daerah Tutong \$800.00; Daerah Belait \$537.50 dan Daerah Temburong \$225.00.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Bagi pembayaran alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila, sa-banyak \$500.00 telah di-bayar di-Daerah Brunei/Muara; \$200.00 bagi Daerah Belait dan \$62.50 bagi Daerah Tutong. Tiada ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong dalam bahagian ini.

Badan Kenadziran Bebas mula lawatan pemereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kumpulan sa-ramai tujuh Nadzir telah melawat ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada hari Isnin untuk menjalankan pemereksaan yang meliputi semua kegiatan pelajaran dan lain2 masaalah yang di-hadapi oleh maktab itu.

Pemereksaan yang di-selenggarakan sa-chara langsung oleh Badan Kenadziran Bebas itu akan berakhir pada 16hb. Februari ini di-maktab tersebut.

Nadzir2 yang menjalankan pemereksaan itu i. lah. Nadzir Khas Pelajaran Sastera, Awang Roderick Yong; Nadzir Khas Pelajaran China, Awang Abdul Hamid bin Haji Jalil; Nadzir Kanan Sekolah2 Daerah, Awg. Hj. Mohamed Yassin bin Haji Metassim; Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei Satu, Awang Haji Sabtu bin Muhammad; Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei Dua, Awang Haji Mohsin bin Pengiran Damit; Nadzir Sekolah2 Daerah Brunei Tiga, Awang Haji Ludin bin Hashim dan Nadzir Sekolah2 Daerah, Awang Shahbuddin bin Saleh

Beberapa orang Nadzir yang lain akan melawat tiga buah Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan sa-panjang bulan ini sa-hingga awal bulan Mach depan.

Nadzir Negara Sekolah2, Awg. Suni bin Haji Idris berkata, Nadzir2 itu akan menumpukan perhatian ka-atas Sekolah2 Menengah Inggeris dan Melayu termasuk Maktab Perguruan dan kemudianya akan membuat lawatan dan pemereksaan ka-atas sekolah2 rendah Inggeris, Melayu Misi dan China.

Awang Suni menerangkan, hasil dari laporan Nadzir2 itu akan di-sampaikan kapada Pengurus Majlis Pelajaran.

Bagaimana pun kata-nya, lawatan Nadzir2 di-bahagian masing2 tetap berjalan saperti biasa.



DATO A.D. BUMFORD selaku Pengurus Jawatankuasa Pe-rrayaan Khas bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ke-Brunei telah menerima enam biji chawan perak dari Kelab Lions untuk di-hadiah ka-pada pemenang2 dalam beberapa achara sakan yang akan di-adakan dalam minggu ini antara Wazir2, Cheteria2, Pehin2 Menteri, ketua2

jabatan, dan Ketua2 Kampong. Achara sakan itu termasuklah perlawanan bola sepak, tarek kalat, lumba lari berganti2 dan lumba lari dalam guni.

Perlawanan bola sepak antara Wazir dan Cheteria2, Pehin2 Menteri, Ketua2 Jabatan dan Ketua2 Kampong telah di-mulakan pada hari Isnin dan perlawanan akhir akan di-adakan di-padang besar esok.

Perlawanan tarek kalat, lumba lari berganti2 dan lumba lari dalam guni akan di-adakan petang ini di-padang besar Bandar Seri Begawan mulai jam 4.30 petang.

Gambar atas menunjukkan Dato A.D. Bumford (no. 2 dari kiri) ketika menerima chawan perak dari Presiden Kelab Lions, Awang Chua Kong Seng serta perhatikan oleh pegawai2 dari kelab tersebut.

Peluang masuk kelas dewasa maseh di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah menyediakan berbagai2 mata pelajaran di-83 buah pusat, di-seluruh negeri bagi tahun ini.

Mata2 pelajaran itu termasuklah pelajaran urusan rumah tang-

ga; bahasa Melayu, Inggeris, Chi-na, dan Jepun, musik, senilukis, menggambar, trengkas, menaip dan simpan kira2.

Pelajaran penoh Sijil Rendah Pelajaran; Sijil Pelajaran Cambridge dan Sijil Tinggi Persekolahan aliran Melayu dan Inggeris, juga

di-adakan.

Mereka yang ingin mengikuti pelajaran2 tersebut, borang2 masuk sekarang boleh di-dapat dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa atau dari Penyelia Kelas2 Dewasa di-sekolah2 yang berkenaan.